



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

7 OKTOBER 2014

KENYATAAN MEDIA YB DATUK NUR JAZLAN TAN SRI MOHAMED, PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) BERHUBUNG TENDER PENJUALAN NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN OLEH JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ).

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi menerangkan mengenai prosedur tender pembelian nombor pendaftaran kenderaan.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata PAC mahu mendapatkan maklumat lanjut mengenai standard operasi prosedur (SOP) tender pembelian nombor pendaftaran kenderaan bagi membolehkan rakyat mengetahui kaedah sebenar tender berkenaan.

“Tender pembelian nombor pendaftaran kenderaan ini, sentiasa menjadi isu di kalangan rakyat sehingga memberikan persepsi negatif kepada kerajaan dan pemiliknya.

“Justeru, adalah lebih baik JPJ melalui Kementerian Pengangkutan memberikan maklumat berkenaan kepada PAC sekurang-kurangnya dapat menghilangkan kegusaran pada rakyat,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Nur Jazlan berkata, PAC sememangnya bercadang untuk memanggil JPJ selepas mendapat syor Jabatan Audit Negara berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) siri 2 2013.

Bagaimanapun, katanya, dalam LKAN itu ia tidak membabitkan mengenai tender pembelian nombor pendaftaran sebaliknya adalah isu antara lain mengenai kelewatan dalam membuka kertas siasatan serta MYSikap.

“PAC akan mengambil peluang untuk turut bertanyakan mengenai proses serta prosedur tender pembelian nombor pendaftaran kenderaan kepada JPJ dalam prosiding berkenaan,” katanya.